

14/09/1998

Perisytiharan tiada aspek Islam, moral

SUBANG, Ahad - Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, mempertikaikan keikhlasan `Perisytiharan Permatang Pauh' yang dicetuskan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana tidak menyentuh aspek moral dan Islam.

Sebaliknya, bekas Timbalan Perdana Menteri itu lebih cenderung kepada usaha menukar corak kepemimpinan negara menerusi tujuh perkara yang terkandung dalam perisytiharan bagi mendukung gerakan reformasinya.

"Sebab itu saya tidak yakin dengan keikhlasan perisytiharan itu kerana yang baiknya, reformasi dibuat ketika dia berkuasa.

"Apabila tiada kuasa, dia boleh bercakap apa juga perkara yang manis dan cantik tetapi yang penting ialah sejauh mana kebenarannya untuk dilaksanakan.

"Tujuh perkara yang disebut tidak langsung menyentuh pasal Islam dan menekankan aspek moral... ada cacat sikitlah program reformasi ini kerana ia lebih kepada nak ubah pemimpin," katanya selepas melancarkan Pesta Kedah `Negeri Warisan Sejarah' di sini, hari ini.

Menjawab soalan, Sanusi berkata, tidak adil bagi bekas pemimpin itu cuba membabitkan golongan miskin dalam gerakan reformasinya kerana ketika dalam kerajaan, beliau kurang serius memperjuangkan nasib golongan itu.

"Ketika di Kementerian Pertanian, saya bercakap mengenai pak tani dan nelayan tetapi sukar dapat perhatian malah peruntukan yang sedikit pun ditarik balik untuk beli kapal terbang.

"Adalah mulia jika kita ingat pada orang miskin ketika kita berkuasa seperti apa yang kerajaan lakukan sekarang," katanya.

Anwar melancarkan `Perisytiharan Permatang Pauh' di kampung kelahirannya, Cherok To' Kun dalam ceramah pertama di luar Kuala Lumpur semalam, selepas dipecat daripada kerajaan dan Umno.

Mengenai kemungkinan Anwar mengadakan ceramah di seluruh Kedah, Sanusi berkata, beliau tidak terkejut apabila Anwar ke Kedah kerana beliau difahamkan semua sistem bunyi dan audio dibekalkan oleh Krumania Production.

"Saya tak hairanlah sebab sewaktu mereka nak menyanyi dulu, kita tak bagi, jadi tentulah dia masuk ke Kedah cara lain, kalau tidak nyanyi... cara politik," katanya.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad bahawa Anwar ialah oportunist, Sanusi berkata, perkataan itu terlalu lembut bagi merujuk kes pelucutan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Perkataan oportunist itu tidak kuat sangat, perkataan yang lebih keras perlu digunakan," katanya.

Menjawab soalan Anwar mungkin bertanding bagi Bahagian Permatang Pauh mewakili parti pembangkang dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata, itu haknya tetapi sebagai calon pemimpin, dia perlu mempunyai peribadi bersih.

"Kita bergantung kepada keputusan mahkamah, tengoklah nanti... kerana kita tak boleh dedahkan keaiban seseorang di tengah masyarakat, biar mahkamah menentukannya," katanya.

Sanusi turut mengecam sikap Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi yang menyerahkan kedudukannya diputuskan Majlis Tertinggi (MT).

"Ada orang yang kadang-kadang jadi hero bukan pasal kerja tetapi pasal orang buat kat dia ... mungkin pencapaian terbaik baginya apabila dipecat," katanya.

Sementara itu, ahli MT, Datuk Ibrahim Ali, berkata gerakan reformasi

yang digerakkan Anwar bukan bertujuan mencari keadilan atau menegakkan kebenaran, tetapi hanya bermatlamat menjatuhkan Dr Mahathir.

"Reformasi nak jatuhkan Perdana Menteri itu pula ingin dilakukan tanpa mengikut lunas undang-undang.

"Dia dipecat Perdana Menteri ikut undang-undang. MT pecat keahliannya mengikut undang-undang. Dia tak buat ikut undang-undang, " katanya.

(END)